

## **KERTAS RUNDINGAN AWAM UNTUK 'UBIQUITOUS MALAYSIA AND THE INTERNET OF THINGS'**

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia ("SKMM") dengan bangganya ingin menjemput orang ramai yang berminat untuk perundingan umum mengenai "Ubiquitous Malaysia & the Internet of Things" atau singkatannya Plan UMIT. Sasaran utama adalah untuk mendapat pandangan umum mengenai masalah dan cabaran yang bakal dihadapi oleh Industri ICT di masa depan dalam menuju kearah Wawasan 2020.

Peningkatan penggunaan infrastruktur jalur lebar telah memasuki satu era yang baru dimana perancang ICT seluruh dunia sedang menuju kearah "Internet of Things" dengan kemajuan penyelesaian ICT dan perkhidmatan bijak M2M, masih banyak proses pengkonsepsian perlu dilakukan dari imiginasi atau projek dalam peringkat percubaan. Terutama sekali apabila penumpuan dalam bidang teknologi pengesan tanpa talian ke tahap penggunaan yang lebih tinggi dan penyelesaian pelbagai kegunaan dalam persekitaran "Ubiquitous Lifestyle" dimana secara teknikal tiada batasan dalam mana-mana segmen industri atau birokrasi kerajaan. SKMM percaya terdapat keperluan untuk mengenengahkan perkhidmatan "Malaysian Ubiquitous ICT" dengan ini bermakna kerajaan harus campurtangan untuk membina eko-sistem "Ubiquitous" yang lebih berstruktur untuk membolehkan capaian perkhidmatan yang lebih murah dan efisien.

Pihak SKMM dengan ini ingin meminta pendapat umum tentang perkara diatas berkaitan dengan 22 soalan yang terdapat dalam kotak berwarna merah dalam kertas putih Plan UMIT. Sila kembalikan komen anda melalui email kepada [UMIT@cmc.gov.my](mailto:UMIT@cmc.gov.my) /hubungi (03) 8688 8277/8405 atau

hantar komen bertulis kepada Cik Khairunnisa Haswani Zainal Abidin di SKMM selewat-lewatnya pada 10 Oktober 2010.

### **Glosari:**

*"Ubiquitous" bermaksud di mana-mana*

*"Internet of Things" bermaksud perkembangan/sambungan dari Internet ke dunia fizikal atau objek dunia nyata. Objek yang memiliki teknologi komunikasi, dapat melacak dan memiliki kemampuan komputer, akan memiliki kemampuan berada di "jaringan" dan memiliki "alamat", atau identiti unik yang diketahui oleh jaringan.*